

30 SEP 2003

LIMA BERI PULANGAN KEPADA PELANCONGAN NEGARA

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Industri pelancongan negara mendapat pulangan yang banyak melalui menganjuran Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '03), kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Ini (penganjuran LIMA) akan meningkatkan kehadiran pelawat ke negara ini dan kita bangga dengan perkembangan ini", katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian segmen maritim oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Awana Porto Malai di sini, hari ini.

Turut hadir Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Abdul Kadir berkata ramai pelancong dari dalam dan luar negara datang ke negara ini untuk menyaksikan LIMA yang diadakan di sini, dan menurutnya beliau turut menyambut baik pengumuman Najib bahawa Lima akan teruskan walaupun Dr Mahathir bersara.

"Saya gembira dengan pengumuman bahawa LIMA akan terus diadakan untuk kepentingan Malaysia," katanya.

Lebih 200 syarikat menyertai segmen maritim bermula hari ini hingga Ahad, di mana pameran itu dibuka kepada orang ramai pada hari Sabtu dan Ahad.

-- BERNAMA

ZI MUN AZH